



Ruj. Kami : PA.BPA. 100-1/4/6 (32)

Tarikh : 28 Jamadil Akhir 1435H
28 April 2014

**Pengarah Bahagian Ibu Pejabat Pertahanan Awam
Pengarah Pertahanan Awam Negeri
Komandan Akademi / Pusat Latihan Pertahanan Awam
Pegawai Pertahanan Awam Daerah**

Tuan / Puan,

**PEKELILING JABATAN BIL.4 TAHUN 2014 :
PERATURAN-PERATURAN PAKAIAN SERAGAM PERTAHANAN
AWAM
- PEMAKAIAN 'PEAK CAP' / BERET DAN TONGKAT PEGAWAI**

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeling Jabatan ini dikeluarkan adalah untuk menguatkuaskan keputusan Mesyuarat Pengurusan Ibu Pejabat Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Bil. 3 Tahun 2014 pada 13 Mac 2014 di Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat Pertahanan Awam dan dipengerusikan oleh YAS Dato' Ketua Pengarah Pertahanan Awam Malaysia.



ISO 9001:2008 Cert. No. AR 5232



Cert. No. AC 2648

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pemakaian pakaian seragam Pertahanan Awam adalah berasaskan Peraturan-Peraturan Pakaian Seragam Pertahanan Awam 1983 dan Pindaan 1988 disamping beberapa peraturan lain yang dikeluarkan melalui Arahan Jabatan atau Pekeliling Jabatan dari semasa ke semasa.
- 2.2 Peraturan pakaian seragam yang disediakan adalah bagi memastikan pemakaian pakaian seragam Anggota Angkatan Pertahanan Awam adalah seragam, kemas dan menonjolkan imej yang menggambarkan kekemasan struktur organisasi JPAM di samping seiring dengan pemakaian seragam agensi-agensi lain yang berpakaian seragam.

3. PUNCA KUASA

- 3.1 Seksyen 5 – Akta 221, Akta Pertahanan Awam Malaysia 1951 (disemak 1979).
- 3.2 Kaedah 10, Kaedah-Kaedah Pertahanan Awam (Pasukan Pertahanan Awam, 1970).
- 3.3 Peraturan-Peraturan Pertahanan Awam (Pakaian Seragam)1983 (Dipinda 1988).

4. PELAKSANAAN

- 4.1 'Peak cap' adalah pakaian kepala untuk dipakai berpasangan dengan uniform no.2 sahaja bagi pegawai-pegawai bertauliah.
- 4.2 'Beret' adalah pakaian kepala yang boleh dipakai berpasangan dengan semua jenis uniform dan untuk semua anggota.
- 4.3 'Tongkat Pegawai' adalah aksesori yang melengkapi pemakaian uniform no.1, no.2 dan no.3 untuk pegawai-pegawai bertauliah berpangkat Kapten ke atas sahaja.
- 4.4 Pemakaian uniform lengkap yang melibatkan 'peak cap' atau beret dan tongkat adalah untuk majlis-majlis rasmi atau beristiadat di padang atau di dataran atau apabila ditetapkan oleh pihak pengatur.
- 4.5 Pemakaian seragam kepala boleh dikecualikan atau ditanggalkan (dipegang atau diletakkan di tempat khas) semasa menghadiri majlis atau acara rasmi jabatan, jemputan, seminar, bengkel, mesyuarat dan tugas rasmi biasa atau seumpamanya yang diadakan dalam dewan, bilik atau tempat berbumbung.
- 4.6 Peraturan ini adalah meliputi semua Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang terdiri daripada Pegawai Tetap, Pegawai Kehormat, Pegawai Bersekutu dan Pegawai Sukarela Pertahanan Awam di seluruh negara.

5. TARIKH KUATKUASA


5.1 Pekeliling Jabatan ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan. Pegawai Waran Pertahanan Awam atau Ajutan yang dilantik hendaklah memastikan peraturan ini dilaksanakan dengan seragam pada sepanjang masa bagi memastikan pemakaian pakaian seragam Pertahanan Awam oleh Anggota Pertahanan Awam Malaysia sentiasa kemas dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ SEDIA PANTAS BERINTEGRITI ”

Saya yang menurut perintah



TPj. (PA) HJ. SELAMAT BIN HJ. DAHALAN

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia

- s.k - Dato' Ketua Pengarah Pertahanan Awam
 - Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)